

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN
ANTARABANGSA

TARIKH: 23.09.2022 MASA: 3.40pm

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

PROGRAM PENANAMAN POKOK SERENTAK
“*PLANTING HOURS*” DAN KAYUHAN BASIKAL
SEMPENA ULANG TAHUN KE-73 TUAN YANG
TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU
PINANG TAHUN 2022

OLEH

TUAN YANG TERUTAMA TUN DATO' SERI UTAMA AHMAD
FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG

TARIKH / MASA / TEMPAT
24 SEPTEMBER 2022 (SABTU)
8.00 PAGI

VISION PARK
BERTAM, KEPALA BATAS
SEBERANG PERAI UTARA

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, diberikan kesempatan untuk kita bertemu dan berhimpun pada pagi yang barakah ini dalam Program Penanaman Pokok Serentak "*Planting Hours*" Dan Kayuhan Basikal Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Ke-73 Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Saya dan semua warga kerja MBSP serta rakyat Seberang Perai dengan penuh takzim dan penuh kesyukuran mengucapkan Selamat Hari Lahir yang ke-73 kepada Tuan Yang Terutama Tun. Semoga Tuan Yang Terutama Tun dan seisi keluarga dikurniakan kesihatan dan keselamatan yang berpanjangan, dilimpahi rahmat, mendapat magfirah, diberkati usia, sihat tubuh badan dan dimurahkan rezeki untuk terus memayungi Pulau Pinang yang tercinta ini. Sesungguhnya kami amat berbesar hati dan amat berbangga mempunyai penaung yang sentiasa dekat di hati kami dan juga masyarakat Negeri Pulau Pinang.

Di kesempatan ini juga, saya bagi pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) ingin menjunjung kasih serta merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang bersama Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama Khadijah binti Mohd Noor di atas kesudian menghadiri serta menyempurnakan Majlis pada pagi ini.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri I; Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis MBSP; Tuan Setiausaha Bandaraya; Ketua-Ketua Jabatan MBSP; Wakil-Wakil Jabatan, Agensi Kerajaan serta Swasta, Para Penaja, warga kerja MBSP dan para hadirin sekalian kerana sudi melapangkan masa dan memeriahkan suasana bersama-sama bagi menjayakan Majlis pada pagi ini.

**Tuan Yang Terutama Tun, Yang Amat Berbahagia, Yang Berhormat,
Yang Berbahagia Dato'-Dato', Yang Berbahagia Datin-Datin, Tuan-Tuan
dan Puan-Puan sekalian**

Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Ke-73 Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, program pada hari ini telah dimulakan dengan aktiviti kayuhan basikal sejauh 12 km mengelilingi kawasan Bertam Perdana. Kayuhan basikal ini disertai sendiri oleh Tuan Yang Terutama dan diringi oleh Dif-Dif Kehormat dan 100 orang pengayuh-pengayuh basikal daripada MBSP, PDRM dan para “*cyclist*” Seberang Perai yang di “*flag-off*” pada pukul 8.15 pagi telah berjaya ditamatkan lebih kurang pada pukul 9.15 pagi.

Sebaik selepas Program Kayuhan, Tuan Yang Terutama Tun, bersama Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama, Dif-Dif Kehormat dan para hadirin sekalian telah melibatkan diri dalam Program Penanaman Pokok Serentak “*Planting Hours*” di sekitar kawasan Taman Rekreasi Vision Park ini. Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama telah menanam pokok Bucida Tikus (*Diospyros buxifolia*), manakala Dif-Dif Kehormat dan warga kerja MBSP yang hadir bersama hari ini telah menanam 130 batang pokok kelapa pandan ditanam di sekitar Taman Rekreasi Vision Park.

**Tuan Yang Terutama Tun, Yang Amat Berbahagia, Yang Berhormat,
Yang Berbahagia Dato'-Dato', Yang Berbahagia Datin-Datin, Tuan-Tuan
dan Puan-Puan sekalian**

MBSP amat komited dalam merangka strategi ke arah mewujudkan sebuah bandar raya rendah karbon yang berdaya huni. Ini bertepatan dengan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadi negeri hijau yang pertama di Malaysia dengan tumpuan kepada aspek pembangunan dan pencapaian kualiti hidup yang tinggi yang termaktub dalam Penang2030 “*A Family-Focused Green and Smart States That Inspires The Nation*” di bawah Tema D “*Invest in the Built Environment to Improve Resilience*”. Salah satu agenda yang dilaksanakan oleh MBSP dalam penghijauan Seberang Perai adalah penanaman pokok-pokok di seluruh Seberang Perai.

Selari dengan manifesto Kerajaan Negeri untuk mencapai penanaman pokok sebanyak 600,000 batang pokok menjelang tahun 2030, MBSP juga telah meletakkan sasaran MBSP untuk menanam 30,000 batang pokok setahun. Penanaman 30,000 batang pokok setahun telah ditetapkan oleh MBSP dengan kerjasama agensi-agensi di Pulau Pinang iaitu Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang,

Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang, Penang Development Corporation (PDC), Pejabat Daerah dan Tanah SPU, SPT dan SPS dan Plan Malaysia Pulau Pinang dalam memastikan tercapainya sasaran Seberang Perai untuk menjadi Bandar Rendah Karbon.

Sejak tahun 2008 hingga Jun 2022, MBSP telah berjaya menanam sebanyak 102,531 pokok di seluruh Seberang Perai melalui pelbagai program yang dijalankan. Inisiatif menanam pokok adalah bertujuan mengurangkan kesan cuaca panas dan kering yang sering melanda negara. Dalam usaha mencapai sasaran 600,000 pokok ditanam menjelang tahun 2030, dan untuk menjayakan program penanaman pokok di Seberang Perai, MBSP telah melaksanakan beberapa program penanaman pokok secara besar-besaran, termasuklah:-

- I. Program Penanaman Pokok Teduhan Sempena Hari Kemerdekaan pada 27 Ogos 2017, yang melibatkan penanaman 3,002 pokok teduhan jenis *Tecoma (Tabebuia sp.)* secara serentak di 13 lokasi di seluruh Seberang Perai

- II. Program Penanaman Pokok Teduhan dari jenis Golden Penda (*Xanthostemon chrysanthus*) sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-61 pada 7 September 2019 di mana sebanyak 5,100 pokok Golden Penda ditanam secara serentak di 44 lokasi kawasan lapang di Seberang Perai.

- III. Penanaman Pokok Berembang (*Sonneratia caseolaris*) di pinggir Sungai Kerian di Kampung Che Isa, Teluk Ipil, Seberang Perai Selatan pada 13 Oktober 2018.
- IV. Penanaman serentak sebanyak 5,555 pokok daripada 10 spesies di 40 lokasi di seluruh Seberang Perai sempena Pemasyhuran Majlis Bandaraya Seberang Perai pada 6 Oktober 2019.

MBSP memberi penekanan terhadap peranannya sebagai Pihak Berkuasa Tempatan dalam menyediakan ruang hijau dan selamat kepada penduduk dan masyarakat setempat dan mengekalkan udara yang bersih dan persekitaran yang sihat selaras dengan SDG 11: “*Make cities and human settlements inclusive, safe, resilient and sustainable*”; dan SDG 13: “*Take urgent action to combat climate change and its impact*”, dan sejajar dengan kempen Kerajaan Negeri iaitu Penang 2030 *A Family-Focused Green and Smart State that Inspires the Nation*,

Inisiatif menanam pokok adalah bertujuan untuk mengurangkan kesan cuaca panas dan kering yang sering melanda negara kita. Penanaman pokok adalah penting dalam mengimbangi pelepasan karbon melalui penghasilan oksigen yang akhirnya mengurangkan kesan gas rumah hijau. Pokok-pokok yang ditanam di bandar boleh menjadi penghias kawasan,

penghias bangunan, penghias pinggir jalan dan tidak kurang yang merujuknya sebagai penambah atau pemberi kesan kehijauan.

**Tuan Yang Terutama Tun, Yang Amat Berbahagia, Yang Berhormat,
Yang Berbahagia Dato'-Dato', Yang Berbahagia Datin-Datin, Tuan-Tuan
dan Puan-Puan sekalian**

MBSP pada tahun ini telah merangka pelaksanaan program penanaman pokok #*PlantingHoursOfSeberangPerai*, yang juga merupakan cadangan asal daripada Tuan Yang Terutama Tun sendiri. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai perubahan iklim dan kepentingan mengekalkan persekitaran sihat serta hijau bagi generasi akan datang. Tarikh penyertaan program ini adalah dari 29 Julai 2022 sehingga 20 September 2022 dan MBSP menggalakkan penglibatan serta kerjasama pelbagai pihak meliputi semua komuniti di seluruh Seberang Perai.

Pelaksanaan kempen ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai pentingnya kawasan litupan hijau untuk kesejahteraan dan kualiti hidup selain usaha untuk menambahbaik ekosistem dan biodiversiti. Kempen ini juga bertujuan memupuk semangat cintakan alam semula jadi melalui penanaman pelbagai jenis pokok kepada

segenap lapisan masyarakat. Objektif pelaksanaan program ini adalah untuk mengekalkan kawasan hijau di seluruh Seberang Perai; meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pokok serta memupuk semangat cintakan alam semula jadi; dan meningkatkan kesedaran semangat pengekalan kawasan hijau.

Program ini terbuka kepada seluruh warga Seberang Perai yang berumur 13 tahun ke atas termasuk secara individu serta berkumpulan dan beralamat di Seberang Perai. Penyertaan terbuka kepada individu dan berkumpulan. Lokasi penanaman pokok yang dibenarkan untuk ditanam adalah Lot Persendirian atau Tanah Persendirian, Kawasan Agensi-Agenzi Kerajaan seperti hospital, Kawasan Agensi-Agenzi Swasta, Institusi Pendidikan seperti Sekolah, Kolej, Politeknik, Universiti dan lain-lain premis.

Peserta-peserta perlu bergambar bersama pokok yang ditanam dan dimuatnaik di *Instagram* *Persendirian* dengan *#PlantingHoursOfSeberangPerai & #SeberangPeraiCityCouncil*. Hadiah akan diberikan kepada fotografi yang paling kreatif. Tarikh muatnaik gambar adalah bermula pada 24 September 2022 sehingga 7 Oktober 2022.

Program ini mungkin merupakan pertama seumpamanya di Malaysia, malah di dunia dan telah mendapat pendaftaran sebanyak 3,028 penyertaan. MBSP akan teruskan program ini dari tahun ke tahun di Seberang Perai dalam usaha untuk mengurangkan kadar pelepasan karbon dalam menjayakan salah satu agenda kita dalam Visi Penang 2030 bagi menjadikan Pulau Pinang sebagai Negeri Hijau dan juga aspirasi Seberang Perai untuk muncul sebagai Bandar Rendah Karbon.

**Tuan Yang Terutama Tun, Yang Amat Berbahagia, Yang Berhormat,
Yang Berbahagia Dato'-Dato', Yang Berbahagia Datin-Datin, Tuan-Tuan
dan Puan-Puan sekalian**

Hari ini adalah kemuncak Program *Planting Hours Of Seberang Perai* di mana sebanyak dua (2) batang pokok Bucida Tikus (*Diospyros buxifolia*) dan 130 batang pokok kelapa pandan ditanam di sekitar Taman Rekreasi Vision Park, Seberang Perai Utara yang merupakan lokasi utama; 100 batang pokok Golden Penda (*Xanthostemon chrysanthus*) ditanam di sepanjang Jalan Permatang Nibong, Seberang Perai Tengah; dan 100 batang pokok Sea Hibiscus ditanam di Changkat Jeti Nelayan, Seberang Perai Selatan.

Sekalung penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Tetuan Eco Meadows Development Sdn. Bhd. yang telah menaja 100 batang pokok Kelapa Pandan, Tetuan Ann Joo Steel Bhd. yang menaja 200 batang pokok *Sea Hibiscus* dan Tetuan Tah Wah Group Sdn. Bhd. yang menaja 30 batang pokok Kelapa Pandan untuk program pada pagi ini. Terima kasih dab syabas kepada kesemua peserta program yang telah turun untuk turut serta menanam pokok di tiga lokasi yang telah ditetapkan.

MBSP ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada pihak pengajur dan semua pihak yang menjayakan progam pada pagi ini dan menjadikan kempen ini satu kenyataan. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan yang sudi hadir, meluangkan masa menyertai program anjuran MBSP.

Sebelum mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya mengucapkan Selamat Hari Lahir Yang ke-73 kepada Tuan Yang Terutama Tun, semoga Tuan Yang Terutama Tun sentiasa mendapat rahmat dan keberkataan dari Allah S.W.T. dan dianugerahkan kesihatan yang sejahtera untuk terus menjadi tonggak utama Negeri Pulau Pinang.

Akhir kata, saya memohon maaf khususnya kepada Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama, jika ada ketelanjuran kata, salah bicara sepanjang ucapan ini. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri I; dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang menyokong segala usaha-usaha Majlis Bandaraya Seberang Perai

Terima kasih juga kepada seluruh warga Seberang Perai yang sama-sama terlibat dalam usaha membantu MBSP untuk menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih, hijau dan selamat serta mempunyai penduduk yang sihat. Syabas dan tahniah kerana memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MBSP dan saya pasti dengan komitmen ini, “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” atau “**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**” dapat direalisasikan.

Sekian, Terima Kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh***